



Selamat Datang  
Ke Laman Portal  
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | MEDIA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI



Rabu, Mac 27, 2013

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS  
PERKHIDMATAN

A- | A+ | ENGLISH

Berita » Pelajar UPM terpilih utk mewakili negara ke iniatif pemimpin muda di Bangkok

Oleh Sanorumi binti Dawam @ Tawil



**KUALA LUMPUR, 21 MAC** – Pelajar Ph.D Jabatan Pemakanan dan Dietetik, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Chang Sui Kiat telah terpilih untuk menyertai program **Iniatif Pemimpin Muda Hitachi ke-12 (atau 12<sup>th</sup> Hitachi Young Leaders Initiative [HYLI])** yang dianjurkan oleh pihak Hitachi yang akan diadakan pada **1-6 Julai 2013** di Bangkok, Thailand.

Beliau adalah antara empat mahasiswa dari Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang dipilih untuk mewakili negara menerusi temuduga oleh satu panel pegawai tinggi. Pelajar lain yang dipilih ialah dari Universiti Teknologi Petronas, Universiti Malaysia Sarawak, dan Universiti Sains Malaysia.

Mereka akan bertemu dengan pemimpin muda dari negara anggota ASEAN untuk membincang soal peranan ASEAN dalam ekonomi Asia dan global.

Daripada 14 calon yang disenaraikan untuk pilihan, Chang and pelajar lain ditemuduga oleh enam pengadil berpengalaman yang terdiri daripada Pengarah Urusan Hitachi Asia (Malaysia) Sdn Bhd, Mr. Seiji Yoshimura; Ketua Pegawai Eksekutif SME Corporation Malaysia YBhg. Dato' Hafsa Hasim; Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi YBhg. Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa; Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri YBhg. Datuk Dr. Rebecca Fatima Sta Maria, Ketua Perunding Jireh Consultant Sdn Bhd, dan Pengurus Bahagian Komunikasi Mr. Kazuaki Otomo.



Chang Sui Kiat, 27, berkata beliau amat terkejut dengan pemilihannya kerana terdapat calon yang lebih handal daripadanya. Tetapi, beliau rasa pemenangannya adalah hasil daripada persiapan rapi dengan pengalaman beliau dalam melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti luar yang dianjurkan oleh pihak universiti dan juga anjuran pihak luar serta motivasi dari Pengarah Pusat Hubungan dan Jaringan Industri CIRNeT Prof. Madya Dr. Azizan Asmuni.

"Saya tidak menyangka yang saya akan dipilih dalam empat pelajar untuk menyertai program HYLI, kerana persaingan di kalangan pelajar pada peringkat pemilihan sangat hebat dan mencabar," kata Chang yang minat dalam kaitan soalan pemakanan (nutrition) sebuah masyarakat atau negara dengan pertumbuhan ekonominya.

Sebagai seorang pelajar Yang di-Pertuan Agong (King's scholar), beliau berharap untuk tamat pengajian Ph.D belian akhir tahun ini.

Dengan kejayaan itu, peserta yang berjaya diberi sijil pemilihan yang di sampaikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri YBhg. Dato Sri Mustapha bin Mohamed diiringi oleh Pengarah Urusan Hitachi Asia (Malaysia) Sdn Bhd Mr. Seiji Yoshimura. – UPM

-- sd/kggo

RSS | Dasar Privasi | Dasar Keselamatan | Penafian | Notis Hakcipta | Peta Laman | Bantuan | Jumlah Pelawat : 1278871  
Paparan terbaik menggunakan Internet Explorer, Safari, Firefox, Google Chrome dengan resolusi 800 x 600 dan 1024 x 768 (S1)

@2012 Universiti Putra Malaysia  
Kemaskini Terakhir : 27 Mar 2013

